

PM selar golongan 'semua tak kena'

BH 12 APR 1982 Oleh AMIN OMAR

PARIT BUNTAR, Ahad — Golongan yang menuduh kerajaan sebagai materialistik kerana mengejar pembangunan perindustrian hari ini diselar oleh Perdana Menteri yang juga mensifatkan mereka sebagai golongan yang tidak mengerti hasrat dan tujuan kerajaan.

Sambil mensifatkan golongan tersebut sebagai orang-orang 'yang semuanya tak kena', Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad juga menafikan bahawa kerajaan mengabaikan pembangunan rohaniah dalam negara mengejar pembangunan jasmaniah.

"Kerajaan Barisan Nasional tidak pernah mengabaikan agama," tegas beliau dan menambah, kerajaan mengamalkan satu dasar yang seimbang antara pembangunan rohaniah dan jasmaniah.

"Seperti dacing yang menjadi lambang Barisan Nasional yang sentiasa seimbang, kerajaan mengambil berat sama antara pembangunan rohaniah dan jasmaniah," katanya ketika membuka kilang Elite Woodproducts (M) Sdn. Bhd. di tapak perindustrian di sini hari ini.

"Kedua aspek ini kita ambil kira sama berat... Kita tidak tempang

seperti lain-lain parti," katanya lagi sambil menambah, golongan yang membuat tuduhan melulu begitu harus sedar dan faham apa yang kerajaan hendak buat.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, golongan yang berkempen mengatakan bahawa kerajaan yang ada adalah kerajaan materialistik adalah 'orang-orang yang semuanya tak kena'.

Kalau kerajaan tidak memajukan sektor industri dan ramai anak-anak muda yang menganggur, mereka akan segera menuduh kerajaan tidak mengambil berat tentang mereka.

Bila kerajaan mendirikan kilang-kilang di sana sini dan memberi rakyat peluang pekerjaan dan mengurangkan kadar pengangguran, mereka segera bangkit dan menuduh kerajaan adalah materialistik dan mengabaikan aspek rohaniah.

Datuk Seri Dr. Mahathir mengingatkan bahawa Malaysia kini sedang mengalami pertumbuhan penduduk antara 3,000 hingga 4,000 orang setahun.

Kerajaan sedar bahawa rakyat tidak boleh bergantung sampai bila-bila kepada sektor perlombongan dan perladangan untuk menampung keperluan pekerjaan.